

UCAPAN OLEH
PROFESSOR DR MOHAMED IBRAHIM ABDUL MUTALIB
NAIB CANSELOR UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS
UNTUK
MAJLIS PELANCARAN BUKU
“PERAK SULTANATE: THE HISTORIC ROYAL GLORY OF PERAK
TENGAH”
2 JULAI 2018
MALAYSIAN PETROLEUM CLUB, KUALA LUMPUR CITY CENTRE

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Selamat Sejahtera dan Selamat Pagi.

Menghadap

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun sembah patik mohon diampun

Patik, dengan penuh hormat dan takzimnya, merafak sembah, menjunjung setinggi-tinggi kasih, di atas limpah perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, sudi mencemar Duli berangkat, ke majlis pada pagi ini.

Sesungguhnya, dengan keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, serta perhatian berat Duli Tuanku terhadap majlis ini, adalah amat disanjungi oleh patik sekalian.

Ampun Tuanku,

Patik memohon limpah perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk patik turut mengalu-alu kepada tetamu sekalian;

- i. Yang Amat Berhormat Tuan Ahmad Faizal Dato' Haji Azumu,
Menteri Besar Perak Darul Ridzuan
dan Dr Nomee Ashikin Mohammed Radzi
- ii. Yang Amat Berbahagia Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja,
Dato Seri DiRaja Tan Sri Mohd Zahidi Haji Zainuddin
dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datin Seri Diraja Puan Sri
Hajah Rasiah Md Nor
- iii. Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak
Darul Ridzuan.
- iv. Yang Berbahagia Ahli-Ahli Dewan Negara Perak
- v. Dif-dif jemputan, wakil-wakil media serta para hadirin yang
dihormati sekalian.

Terlebih dahulu, saya bagi pihak Universiti Teknologi PETRONAS (UTP), mengucapkan ribuan terima kasih, kepada semua dif-dif jemputan serta para hadirin sekalian, kerana sudi untuk bersama, di majlis penuh bermakna ini, yang pastinya akan menjadi kenangan abadi dalam sejarah universiti ini.

Alhamdulillah, segala pujian hanyalah untuk Allah subhanahu wa taala kerana dengan rahmat dan izin-Nya, dapat kita bersama-sama berkumpul hari ini sempena Majlis Pelancaran Buku “Perak Sultanate: The Historic Royal Glory Of Perak Tengah”. Buku ini amat bermakna sebagai

sebahagian daripada usaha Tanggungjawab Sosial Universiti di dalam pemuliharaan sejarah Kesultanan Perak hasil cetusan idea dari mantan Naib Canselor UTP, Yang Berbahagia Datuk Ir Dr A Rahim Hj Hashim.

Kami berasa amat bertuah kerana UTP terletak di daerah Perak Tengah, daerah yang kaya dengan sejarah Kesultanan Perak yang mana pada suatu ketika dahulu merupakan pusat kegemilangan pemerintahan Kesultanan Melayu Perak. Buku yang diterbitkan oleh UTP dan The New Straits Times Press (NSTP) ini menggambarkan kekayaan dan keunikan budaya dan tradisi istana serta warisan kebudayaan rakyat di Perak Tengah. Buku ini diharapkan dapat memberikan sedikit sebanyak pengetahuan dan manfaat terutamanya kepada golongan muda dan generasi akan datang kerana kita tidak mahu budaya dan tradisi ini pudar di telan zaman.

Buku ini ditulis dengan pendekatan penulisan yang mudah untuk difahami bagi menarik minat pelbagai lapisan masyarakat terutamanya golongan muda, khususnya para pelajar untuk memahami dan menghargai susur galur Kesultanan Perak yang bermula di Perak Tengah. Pelbagai gambar-gambar yang menarik yang telah di sumbangkan oleh pihak NSTP juga turut dimuatkan.

Bagi pihak UTP, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berbahagia Dato' Seri Mohd Annuar Zaini yang telah sudi meluangkan masa serta tenaga sebagai Perunding Penyunting bagi buku ini. Sekalung penghargaan juga kami ucapkan kepada Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli Ngah Talib, Yang Berbahagia Dato' Seri Ir Mohamad Othman Zainal Azim, Yang Berbahagia Kolonel Bersara Dato' Abd Rahim Mohamad Nor dan Yang Berbahagia Profesor Emeritus

Tan Sri Dr Khoo Kay Kim, di atas sumbangan serta bimbingan mereka sepanjang penulisan buku ini.

Buku ini juga tidak akan dapat diterbitkan tanpa sumbangan penajaan daripada syarikat-syarikat korporat dan agensi kerajaan seperti United Engineers Malaysia Berhad atau UEM Group, PETRONAS, KPerak INC Corporation, Yayasan Perak, Perunding BCP, UAT Energy, Software One, Soulfly, Makhostia, Originex Lumens, Pahlawan Dinamik dan Grand Teknik Bina. Terima kasih juga kepada pegawai-pegawai penyelidik dan ahli jawatankuasa dari UTP dan NSTP yang telah terlibat dari awal penulisan sehingga pelancaran buku. Akhirkata, syabas dan tahniah saya ucapkan kepada penulis dan penyunting buku, Yang Berusaha Professor Madya Dr Shahrina Md Nordin (UTP), Yang Berbahagia Datuk Seri Abd Jalil Hamid dan Yang Berusaha Encik Bazuki Muhammad (NSTP) serta semua yang terlibat di dalam pembikinan buku ini dan penganjuran majlis ini.

Ampun Tuanku

Sekian sahaja sembah ucapan patik. Sebelum mengundur diri, Patik sekali lagi dengan penuh hormat dan takzimnya, merafak sembah, menjunjung setinggi-tinggi kasih, di atas limpah perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, sudi mencemar Duli berangkat, ke majlis pada pagi ini.

Wabillahitaufikwalhidayah wassalamualaikum warahmatullahhi
wabarakatuh.

Patik Menjunjung kasih Tuanku.